



## Sambutan Majlis Khatam al-Quran UMP meriah

Oleh: SITI SARAH MOHAMAD RAJIMI

Seramai 90 orang staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Program Nuzul Quran dan Majlis Khatam al-Quran di Dewan Tun Fatimah UMP Kampus Gambang pada 22 Jun 2016 yang lalu.

Program yang bermula jam 9.00 pagi itu buat julung kalinya diadakan bersempena program Festival Ramadan anjuran Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN).

Lebih meriah program turut dihadiri tetamu jemputan Juara Akademi al-Quran Musim Ke-4 iaitu Ustaz Ahmad Tarmizi Ali dan Ustaz Solleh Ab Razak yang merupakan seorang penulis buku.

Menurut Ustaz Ahmad Tarmizi, terdapat lima perkara penting sekiranya ingin mendalamai al-Quran iaitu sebelum membaca al-Quran kita haruslah memastikan diri kita

beriman dengan Al-quran, keduanya baca al-Quran, ketiga tadabbur dengan al-Quran iaitu cuba memahami maksud di dalam al-Quran yang ingin Allah S.W.T sampaikan, keempat amalkan pembacaan Al-Quran dan yang kelima sebarkan Ilmu yang kita pelajari.

"Adalah tanggungjawab semua golongan untuk memainkan peranan bagi memastikan pendidikan al-Quran diterapkan dalam jiwa kanak-kanak khususnya ketika mereka masih kecil lagi," katanya dalam berkongsi formula dengan melatih diri mendekati al-Quran.

Peserta program, Pegawai Tadbir dari Jabatan Bendahari, Rahiatul Adawiyah, 39 berkata, beliau bersyukur diberi peluang menyertai program selain dapat menuntut ilmu serta mengambil tips membentuk anak mencintai al-Quran.

Begitu juga dengan Penolong Pegawai Vokasional dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Siti Murzalina Sh Murad, 37 yang menyampaikan rasa gembira dan teruja kerana dapat berjumpa dengan ustaz yang merupakan idolanya.

Beliau yang begitu mengagumi

Ustaz Ahmad Tarmizi terutama apabila mengalunkan bacaan ayat suci al-Quran sebelum ini hanya melihat beliau di kaca televisyen tetapi hari ini berkesempatan berjumpa dengannya.

Majlis turut diserikan lagi dengan kehadiran Ustaz Solleh Ab Razak yang berkongsi ilmu dan pengalamannya dalam mendidik anak menjadi seorang Hafiz Quran.

Antara tips yang dikongsi beliau adalah didiklah anak solat lima waktu, kenalkan anak dengan al-Quran, raikan anak dengan hadiah jika mereka berkelakuan baik dan sentiasa mencari pendekatan yang sesuai dalam mengajar anak-anak.

Buku hasil nukilan beliau turut dijual dalam program itu antara buku yang popular adalah 'Melahirkan Anak Pecinta al-Quran', 'Annakku Seorang Hafiz' dan terbaru, Diva Solehah'.

Program diakhiri dengan majlis khatam al-Quran oleh peserta dan dipimpin oleh Ustaz Ahmad Tarmizi Ali serta penyerahan cenderahati oleh Pengarah PIMPIN, Dr. Mahyuddin Ismail kepada semua wakil Pusat Tanggungjawab dan fakulti yang terlibat sepanjang Festival Ramadan 1437H.